

# Perdana Menteri pertahanan dasar terbuka

**K**UALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempertahankan dasar terbukanya yang mewujudkan suasana baru di negara ini yang mana barisan penyokong kerajaan di Parlimen tidak teragak-agak untuk mengkritik kerajaan.

"Inilah apa yang dikatakan sebagai terbuka, semua orang katakan apa yang mereka ingin katakan. Saya beritahu menteri-menteri saya bahawa mereka tidak harus kecewa dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan terhadap mereka dan kementerian mereka.

"Barisan Nasional (BN) mempunyai majoriti besar (dalam Parlimen) dan penyokong BN banyak mengkritik, yang menunjukkan bahawa majoriti besar tidak sekadar menjadi 'rubber stamp,' katanya kepada kira-kira 300 CEO dan tokoh korporat terkemuka pada majlis makan malam anjuran Kelab Bisnes Kuala Lumpur di sini, malam kelmarin.

Ketika sesi soal jawab dengan, tetamu, Abdullah berkata, beliau langsung tidak kisah apabila ada segelintir yang menganggap sikap terbukanya itu sebagai tanda kelemahan.

"Kini saya gembira bahawa pihak yang tidak suka dengan apa yang sedang berlaku seperti pertubuhan bukan kerajaan, menghantar surat dan mengadakan perjumpaan dengan penyokong BN. Sekurang-kurangnya mereka mengiktiraf penyokong kerajaan yang bekerja" katanya.

Abdullah turut ditanya mengenai perkhidmatan awam yang pernah mempunyai 'gergasi' di kalangan kakitangan awam tetapi kini pula mempunyai 'napoleon kecil' yang mungkin menjadi sebab kenapa beliau tidak berpuas hati dengan sistem penyampaian bahagian tertentu kerajaan.

Beliau berkata, adalah tidak adil menyalahkan seluruh perkhidmatan awam hanya kerana segelintir menimbulkan masalah.

Abdullah menegaskan beliau tidak bermaksud memulakan kritikan terhadap perkhidmatan awam sama seperti polis tahun lalu dengan suruhanjaya diraja yang beliau tubuhkan banyak menonjolkan penyalahgunaan kuasa.

Lebih baik mereka berhenti kerja

daripada kita membuang mereka.

"Saya tahu, saya pernah berkhidmat dalam sektor awam sejak 1964," katanya.

Abdullah turut menyentuh mengenai khidmat pesanan ringkas (SMS) yang beliau gambarkan sebagai 'alat paling banyak disalahgunakan' di Malaysia.

"Saya tidak tahu SMS itu untuk apa," katanya yang jelas merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk tujuan negatif seperti menyebarkan khabar angin.

"Inilah masalah dengan kita, kadang kala kita senang dipengaruhi," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, beliau bimbang dengan perkhidmatan Rakan Cop yang baru dilancarkan untuk membolehkan orang ramai melaporkan kejadian jenayah.

"Kita tidak tahu jika mesej itu betul atau mereka sengaja mempermainkan polis," katanya.

Abdullah juga menyifatkan sebagai 'mengecewakan' bagi pengurusan yang gagal dalam tempoh beliau sebagai Perdana Menteri negara ini.

Perdana Menteri berkata, beliau, biasanya tidak cepat marah tetapi pengurusan yang gagal seperti projek penjara di Sarawak gagal disiapkan dalam tempoh lebih 12 tahun adalah mengecewakan, kerana RM100 juta telah habis atas nama pembinaan tetapi tiada kerja disiapkan. Bernama.